

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah penerima yang mendapat manfaat daripada Program Rebat RM40 bil elektrik dan jumlah mereka yang layak tetapi masih belum berjaya mendaftarkan diri e-Kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejumlah RM140 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan pada tahun 2019 untuk melaksanakan Program Rebat Bil Elektrik RM40 secara bersasar kepada Ketua Isi Rumah (KIR) dalam kategori miskin dan miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam sistem eKasih, ICU JPM. Untuk tahun 2020, program ini masih diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM104.14 juta.

Walaupun terdapat penurunan jumlah peruntukan pada tahun hadapan berbanding tahun ini, peruntukan RM104.14 juta tersebut dijangka akan mencukupi kerana berikutan pemutihan data KIR oleh pihak ICU JPM, terdapat 56,977 KIR (data sehingga 15 Oktober 2019) daripada kategori miskin tegar dan miskin telah pun terkeluar daripada Sistem eKasih.

NO. SOALAN : 3

Dengan jumlah peruntukan RM104.14 ini, Kementerian mensasarkan seramai 200,000 KIR layak menerima rebat bil elektrik RM40 pada tahun 2020 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM96 juta.

Sehubungan ini juga, pihak Kementerian bercadang untuk mempergiatkan lagi pelan komunikasi dan hebahan mengenai Program Rebate Bil Elektrik RM40 kepada KIR-KIR yang layak supaya lebih ramai bilangan KIR dapat mengemas kini nombor akaun elektrik dengan syarikat-syarikat utiliti. Pelan komunikasi dan hebahan program ini akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan sedia ada Program Subsidi Bil Elektrik yang telah diluluskan pada tahun hadapan.

Sehingga Oktober 2019, hanya 49.11% daripada 234,584 KIR yang layak telah mengemas kini nombor akaun elektrik dan menerima rebat bil elektrik ini.

Selain itu, sebagai langkah proaktif untuk meningkatkan bilangan KIR mengemaskini nombor akaun elektrik mereka, pihak Kementerian telah memohon kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) untuk menyertakan sekali maklumat nombor akaun elektrik semasa proses verifikasi KIR di bawah kategori miskin dan miskin tegar dilaksanakan di lapangan. Adalah diharapkan pihak ICU JPM dapat sama-sama membantu Kementerian dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.